



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA TRIBUNAL
BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

AUDITORIUM ARAS 7, KPWKM / 21 MAC 2024 (KHAMIS)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas keizinan dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis pada petang ini bagi **penyampaian Watikah Pelantikan Anggota Tribunal Bagi Antigangguan Seksual.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para anggota Tribunal yang telah dilantik. Hari ini adalah hari yang bersejarah bagi Kementerian kerana buat julung kalinya anggota Tribunal bagi Antigangguan Seksual telah dilantik.
3. Kerajaan amat prihatin dan serius dalam menangani isu gangguan seksual melalui penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 atau Akta 840 dan seterusnya Penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual, sebagai suatu platform alternatif yang memberikan remedi atau tebus rugi kepada mana-mana individu yang diganggu secara seksual.

4. Selaras dengan pewartaan Akta 840, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi menggalakkan pencegahan dan meningkatkan kesedaran berkenaan gangguan seksual melalui pelaksanaan program advokasi yang melibatkan penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk kolaborasi dengan rakan strategik.

(B) PENGOPERASIAN TRIBUNAL

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Dalam tempoh suku pertama tahun 2024, pihak Kementerian telah menggembeleng usaha dan tenaga bagi mengukuhkan pengoperasian Tribunal melalui pewartaan dan penguatkuasaan sepenuhnya Akta 840 dan Peraturan-Peraturan Antigangguan Seksual (Tribunal bagi Antigangguan Seksual) 2024.

6. Sukacita juga saya mengumumkan bahawa **Kaunter Aduan Tribunal telah beroperasi di Aras G, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya sejak 11 Mac 2024** dan bersedia untuk menerima aduan bagi perbuatan gangguan seksual yang berlaku pada atau selepas 8 Mac 2024.

(C)TIADA PERTINDIHAN ANTARA BIDANG KUASA TRIBUNAL DAN MAHKAMAH

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Tribunal bagi Antigangguan Seksual menyediakan satu **saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan aduan gangguan seksual** dengan cepat, mudah dan kos yang minimum bagi mangsa mengambil tindakan terhadap pelaku untuk

mendapatkan hak tebus rugi akibat daripada gangguan yang dialami. Matlamat Tribunal ini adalah untuk mendengar dan mengadili aduan gangguan seksual dengan bebas, adil dan saksama.

8. Sukacita ingin saya jelaskan bahawa penubuhan Tribunal ini bukanlah bertujuan untuk mengambil alih fungsi mahkamah, sebaliknya memberikan pilihan kepada mangsa sama ada membuat aduan di Tribunal atau pun mengambil tindakan sivil di mahkamah. Seksyen 8 Akta 840 menyatakan bahawa tiada pertindihan bidang kuasa di antara Tribunal dan mahkamah sivil. Dalam masa yang sama, mangsa masih boleh membuat laporan polis supaya siasatan dapat dijalankan agar tindakan jenayah dapat diambil terhadap pelaku.

(D) MANGSA GANGGUAN SEKSUAL PERLU TAMPIL MEMBUAT ADUAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Berdasarkan statistik Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), seramai 1,486 klien bagi kes gangguan seksual telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut,

1,075 orang mangsa adalah perempuan dan baki 411 orang mangsa adalah lelaki. Memandangkan kini Tribunal telah beroperasi untuk menerima aduan, saya menyeru kepada individu yang menjadi mangsa gangguan seksual agar memberanikan diri untuk tampil membuat aduan supaya budaya menormalisasikan gangguan seksual dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat dihapuskan.

10. Untuk makluman, mangsa gangguan seksual boleh membuat aduan tanpa perlu diwakili peguam dan pendengaran akan dibuat secara tertutup di hadapan tiga (3) anggota panel Tribunal yang berwibawa.

(E) KEWIBAWAAN ANGGOTA PANEL TRIBUNAL YANG DILANTIK

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah mengadakan siri temu duga untuk mengenal pasti dan seterusnya memilih anggota Tribunal yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara yang berhubungan dengan gangguan seksual.

12. Anggota Tribunal yang telah dipilih ini terdiri daripada individu-individu dengan pelbagai latar belakang profesion dalam kalangan sektor awam, swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Oleh yang demikian, dengan kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Seksyen 4 Akta 840, dengan sukacitanya saya **melantik seramai 30 orang anggota Tribunal bagi sesi Mac 2024 sehingga Mac 2027.**

(F) PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Saya percaya dengan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman anggota Tribunal yang dilantik, Tribunal dapat melaksanakan amanah ini secara adil dan berintegriti serta mampu mendengar dan mengadili aduan gangguan seksual apabila bersidang kelak.

14. Akhir kata, semoga segala usaha murnikita dalam menyediakan platform kepada mangsa gangguan seksual untuk mendapatkan keadilan diberkati Allah

SWT dan mencapai matlamat dengan jayanya.

Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
21 Mac 2024